

Kempen galak ambil sarapan



Su Yen (dua dari kiri) bersama pengurusan Nestlé Products Sdn Bhd pada jelajah kempen menggalakkan rakyat negara ini mengambil sarapan. [FOTO CHE RANI CHE DIN / BH]

Petaling Jaya: Menyedari masih ramai rakyat Malaysia tidak tahu betapa pentingnya mengambil sarapan, Nestlé Products Sdn Bhd menganjurkan kempen Gerakan Nutrisi MILO bagi menggalakkan pengambilannya.

Seramai 200 peserta terawal yang berkunjung ke kempen, yang kini berlangsung di pusat beli-belah One Utama, di sini mene-

rima set sarapan percuma.

Pengurus Pemasaran Pengguna MILO, Nestlé, Ng Su Yen, berkata orang ramai masih tidak mempraktikkan tabiat pengambilan sarapan walaupun mengetahui bahawa ia hidangan paling penting.

Katanya, MILO akan turut menyediakan permainan menarik yang secara tidak langsung memberi pengetahuan

mengenai fakta nutrisi pengambilan sarapan yang sihat.

Amal gaya hidup sihat

“Kami berharap dapat memberikan kesedaran kepada orang ramai supaya mengamalkan gaya hidup sihat, bermula dengan sentiasa mengambil sarapan.

“Peserta juga boleh menebus beg cenderahati MILO yang mengandungi barangan eksklusif dengan menyertai tiga permainan yang disediakan,” katanya pada jelajah kempen itu, di sini, semalam.

Kempen bertemakan ‘Juara Sarapan MILO’ itu pernah diadakan di Queensbay Mall, Pulau Pinang; Kuantan Parade di Pahang; Sutera Mall di Johor; Mahkota Parade di Melaka, sebelum diteruskan di One Borneo Mall, Kota Kinabalu, Jun ini.

Kemuncak kempen itu, MILO akan melancarkan Hari Sarapan Malaysia pada 5 Mei ini di Universiti Putra Malaysia (UPM), yang mana berbagai aktiviti menarik akan diadakan pada hari berkenaan.